

TALKING POINT

Y. BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB

NAIB CANSELOR, UTeM

SEMPENA MAJLIS JASAMU DIKENANG

28 Julai 2017 (Jumaat), 3.00 Petang

Bilik Jamuan Mesyuarat Utama

Bangunan Canselori

Terima Kasih Saudara Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmanirrahim,

Y.Bhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Y.Bhg. Prof. Dr. Goh Ong Sing

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Y.Berusaha Datuk Hasan bin Sirun

Pendaftar

Y.Berusaha En. Mohd Isa bin mohd Dom

Ketua Pegawai Maklumat

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Presiden UTeMASA

Pengerusi BAKUTEM

Presiden PRAKTIS

Pengerusi KEKUTeM

Pesara dan bakal pesara yang diraikan, hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755
tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Majlis Jasamu Dikenang bagi meraikan **3 orang staf yang bakal bersara wajib, 11 orang staf yang bersara pilihan** bagi tahun 2016 dan 2017 dan **seorang staf atas sebab kesihatan.**

2. Mereka yang diraikan:
 - a. Y.Bhg. Profesor Datuk Dr. Zolkepli Bin Buang,
 - b. Y.Bhg. Profesor Dr. Salleh Bin Yahya,
 - c. Profesor Madya Shahdan Bin Md Lani,
 - d. En. Ismail Bin Abdol Jalil,
 - e. SUPT/PB Affindi Bin Abu Bakar,

- f. En. Samsul Bin Samdin,
- g. En. Muhammad Bin Adam,
- h. Kapten (B) Abdul Wahid Bin Sulaiman,
- i. Tn. Hj. Razali bin Abd. Jalil,
- j. En. Mohd Hamdan Bin Abdul Talib,
- k. Puan Faridah Binti Hassan,
- l. Puan Rohana Binti Nahrawi,
- m. En. Md Razip Bin Zaba dan
- n. En. Roslan Bin Akup.

- o. Puan Nattrah binti Maarof
3. Terima kasih tidak terhingga sekali lagi di atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan dengan penuh dedikasi.
 4. Majlis ini sebagai tanda ingatan UTeM kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang telah bersama-sama kam di sini menyemai bakti tanpa jemu.

*Raut wajah damai dan tenang,
Tiada terkalat kasih dijunjung,
Jasa baktimu tetap dikenang,
Budi baikmu tetap disanjung.*

5. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan pada petang ini adalah di atas semangat saudara seUTeM dan ikatan silaturahim yang terbina selama ini.
6. Bak kata pepatah, “tempat jatuh lagikan dikenang, inikan pula tempat kita berbakti dan mencari rezeki”.
7. Ilmu dan pengalaman yang telah diperoleh sepanjang perkhidmatan di sini amat bernilai dan menjadi sumber kekuatan yang berharga dalam menempuh cabaran di alam persaraan.

8. Diharapkan Tuan-Tuan dan Puan-Puan akan terus mengingati, mendampingi dan memberi sumbangan kepada Universiti ini sama ada secara langsung atau pun tidak.
9. Diharapkan juga terus menjalani kehidupan harian yang lebih membahagiakan kepada diri sendiri, keluarga serta terus menyumbang kepada masyarakat dan negara.
10. Sesungguhnya sumbangan bakti inilah yang telah banyak membantu kepada kecemerlangan UTeM hari ini dan menjadi contoh kepada warga UTeM yang masih berkhidmat.

11. Didoakan Tuan-Tuan dan Puan-Puan dikurniakan kesihatan yang baik, dimurahkan rezeki, diberi keberkatan umur dan kehidupan yang bahagia oleh Allah SWT.

Akar Keladi Melilit Selasih,
Selasih Tumbuh Di Hujung Taman;
Kalungan Budi Junjungan Kasih,
Mesra Kenangan Sepanjang Zaman.

Di Dalam Puan Si Bunga Raya,
Bersama Selasih Dibawa Ke Pekan;
Jasa Tuan Puan Besar Maknanya,
Setinggi Penghargaan UTeM Ucapkan.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum wbkth.